

**Nomura tidak tepat – Zeti
Utusan Online
December 10, 2011
Oleh NORLAILI ABDUL RAHMAN**

KUALA LUMPUR 9 Dis. - Bank Negara Malaysia (BNM) hari ini berkata pendedahan bank asing di Malaysia terhadap kesan krisis ekonomi global hanya lima peratus daripada keluaran dalam negara kasar.

Gabenor BNM, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz berkata, dakwaan firma pengurusan aset, Nomura International (Nomura) bahawa pendedahannya adalah sebanyak 19 peratus atau AS\$50 bilion (RM155 bilion) sebagai tidak tepat.

"Maklumat ini tidak tepat, apa yang saya ingin tekankan adalah bank asing di Malaysia adalah diperbadankan (ditubuhkan) di negara ini, oleh itu ia menyebabkan pendedahan mereka lebih rendah berbanding di negara-negara lain,

"BNM akan mengeluarkan angka sebenar kerana maklumat yang disebut Nomura adalah tidak tepat, ia adalah kurang daripada lima peratus. Ia sangat rendah," kata beliau selepas melancarkan Perkhidmatan Link Bergerak (MobileLINK) di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Datuk Mohd Hanif Sher Mohamed, Presiden Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid dan Timbalan Gabenor BNM Datuk Muhammad Ibrahim

Baru-baru ini, seorang pakar ekonomi Nomura menyatakan Malaysia adalah salah sebuah negara yang bakal mengalami kelembapan ekonomi paling teruk.

Pakar itu mendakwa Malaysia berada di tangga ketiga di Asia selain Jepun, yang mengalami pendedahan bank asing paling buruk selepas Hong Kong dan Singapura akibat kekurangan mudah tunai apabila bank-bank antarabangsa itu mula mengurangkan dananya ke rantau ini.

Zeti menjelaskan, Malaysia mempunyai ekonomi domestik yang kukuh dan berada di kedudukan yang lebih baik untuk menghadapi iklim ekonomi global yang mencabar akibat krisis ekonomi di Eropah.

Katanya, pasaran di negara ini lebih maju di tambah dengan institusi kewangan yang lebih kukuh, malah Bank Negara juga telah membina penampakan selain mempunyai rizab yang sangat tinggi bagi menghadapi persekitaran yang tidak menentu ketika ini.

"Krisis zon Eropah telah menimbulkan kebimbangan kerana ia menyebabkan kemaruapan yang ketara tetapi apa yang saya ingin tekankan kita berada di posisi yang lebih baik berbanding dahulu dan kita mampu menghadapinya," tegas beliau lagi.

Zeti bagaimanapun tidak menafikan bahawa negara akan turut terjejas akibat krisis berkenaan menerusi beberapa sektor seperti perdagangan dan kewangan tetapi kekukuhan ekonomi domestik akan membantu mengurangkan kesan tersebut.

Beliau berkata, kerajaan sedang melaksanakan banyak projek yang diumumkan sebelum ini dan Malaysia telah mendapat aliran masuk pelaburan langsung asing ke dalam bidang pertumbuhan yang baharu.

"Semua ini akan menyokong kita dalam masa yang lebih mencabar tetapi Malaysia mempunyai dasar yang fleksibel selain sektor korporat dan isi rumah yang belum dimanfaatkan sepenuhnya,"

Faktor-faktor ini penting kerana ia merupakan isu-isu yang dihadapi negara-negara yang berdepan krisis," tambah Zeti.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1210&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm